

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jalur Gemilang ialah nama bendera Malaysia. Jalur Gemilang ada empat belas jalur, iaitu tujuh jalur merah dan tujuh jalur putih. Pada bucu atas sebelah kiri terdapat bulan dan bintang. Bintang itu pula mempunyai empat belas bucu. Empat belas bucu itu tanda perpaduan 13 buah negeri dan 3 buah Kerajaan Persekutuan.

Anak bulan melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara. Warna biru melambangkan perpaduan rakyat Malaysia. Warna kuning pula melambangkan kedaulatan raja-raja. Sebagai anak Malaysia, kita perlu mengibarkan Jalur Gemilang ke puncak dunia.

a. Apakah nama bendera Malaysia?

Nama bendera Malaysia ialah

b. Berapakah jalur yang terdapat pada bendera Malaysia?

Terdapat jalur pada bendera Malaysia.

c. Padankan makna bagi lambang-lambang berikut:



Lambang	
Bintang empat belas bucu	•
Anak bulan	•
Warna biru	•

Makna	
Islam sebagai agama rasmi negara.	•
Perpaduan rakyat Malaysia.	•
Perpaduan 13 buah negeri dan 3 buah Kerajaan Persekutuan.	•